

31/01/2003

Penganjuran LTdL bukti keharmonian negara - PM

Wan Jailani Razak

LANGKAWI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata perlumbaan basikal Telekom Malaysia Le Tour de Langkawi (LTdL) 2003 dapat menghapuskan persepsi salah terhadap rantau Asia Tenggara, khususnya Malaysia ketika dunia menghadapi ketidakpastian.

Perdana Menteri berharap menerusi perlumbaan itu, peserta asing, pegawai dan media dan penonton televisyen akan menyaksikan keadaan sebenar di Malaysia.

"Menjadi sebuah negara yang menganjurkan harmoni dan keamanan, Malaysia menyediakan tempat yang sempurna untuk acara sukan dan ia tentunya destinasi sempurna untuk pelancong asing menikmati percutian menarik dalam sebuah negara yang memiliki pelbagai kebudayaan.

"Kerajaan mengiktiraf kepentingan LTdL kepada negara dan akan terus memberi sokongan terhadap penganjuran perlumbaan ini," katanya dalam kata-kata aluan buku cendera mata yang diedarkan di pusat media kejohanan, di Hotel City Bayview, di sini semalam.

LTdL 2003 adalah antara kejohanan terkemuka di luar Eropah yang menyediakan hadiah berjumlah RM1.5 juta. Kejohanan 10 hari itu bermula di Langkawi hari ini selepas pulau peranginan itu dikecualikan tahun lalu.

Dr Mahathir berkata, LTdL kini semakin matang sejak diperkenalkan pada 1996 sehingga mendapat pengiktirafan lebih tinggi, iaitu status 2.2 daripada Kesatuan Berbasikal Antarabangsa (UCI) yang membuktikan perlumbaan itu berada pada landasan yang betul.

Sambil berterima kasih kepada penganjur, First Cartel (M) Sdn Bhd, Telekom Malaysia Berhad dan semua pihak yang terbabit menjayakan perlumbaan itu, Dr Mahathir berkata, kejohanan itu kini semakin mendapat sambutan di peringkat antarabangsa, khususnya eropah.

Katanya, ia sudah tentu menyumbang kepada promosi negara sebagai syurga lumba basikal popular di Asia dan sebuah negara yang baik untuk dilawati.

"Bermula dengan rendah hati, tahap kejohanan ini semakin meningkat. Bagi 2003, perlumbaan ini sekali lagi akan disiarkan secara langsung menerusi televisyen dan jumlah penonton akan lebih besar berbanding sebelumnya.

"Tahun lalu, perlumbaan ini hanya disiarkan secara langsung menerusi RTM. Bagaimanapun, kali ini ia akan turut disiarkan rangkaian sukan antarabangsa STAR ESPN dan ini tentunya petanda baik untuk promosi negara," katanya.

Dr Mahathir berkata, menerusi siaran langsung dan tertunda di Eropah, Amerika dan Asia serta sebahagian besar negara lain, bukan saja dapat menunjukkan daya tarikan negara, malah menggambarkan keadaan sebenar politik dalam negara.

Beliau seterusnya berharap peserta dapat memahami Malaysia dengan lebih baik sepanjang kejohanan itu berlangsung dan kembali mengalami sendiri banyak ciri yang mengagumkan di negara ini.